

Kesan Covid-19 terhadap Golongan B40 dan Strategi Menangani di Selangor, Malaysia

The Effects of Covid-19 on the B40 Group and Mitigation Strategies in Selangor, Malaysia

SAZVINI RAJENDRAN & DORIS PADMINI S. SELVARATNAM

ABSTRAK

Pandemik COVID-19 yang menjadi wabak di dunia dan Malaysia telah mencatat sebanyak 5,125,209 kes di Malaysia dan angka kematian sehingga kini iaitu pada 16 September 2023 telah mencatat sebanyak 37,171 kes. Di Malaysia, wabak COVID-19 telah memberi kesan yang sangat besar kepada sistem politik, ekonomi, sosial, kesihatan, dan pendidikan negara. Peningkatan kes yang mendadak telah membawa kepada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang memberi pelbagai kesan kepada masyarakat Malaysia. Terdapat beberapa kajian penyelidikan yang telah dilakukan untuk mengkaji COVID-19. Walau bagaimanapun, terdapat tiada kajian yang memfokuskan kepada golongan B40 di Selangor. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesan COVID-19 kepada golongan B40 di Selangor dari segi ekonomi dan sosial. Di samping itu, kajian ini juga dijalankan untuk mengenalpasti cara-cara mengatasi kesan COVID-19 terhadap ekonomi dan sosial antara masyarakat di Selangor. Tindak balas dan persepsi golongan B40 di Selangor terhadap kesan COVID-19 diukur melalui tinjauan dalam talian. Seramai 200 responden dari seluruh Selangor terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti golongan B40 mengalami kesan COVID-19 dan pada masa yang sama inisiatif kerajaan telah dapat membantu mereka. Justeru, melalui pemahaman terhadap COVID-19 dalam kalangan B40 dan cara mengatasinya, langkah pencegahan yang terpilih mengikut pendekatan yang berseuaian dapat dilaksanakan agar kesejahteraan rakyat B40 dapat ditingkatkan dan dipulihkan dari segi sosioekonomi masyarakat.

Kata kunci: Kesan COVID-19; golongan B40; kesan ekonomi; kesan social; inisiatif kerajaan

ABSTRACT

The COVID-19 pandemic, which has spread over the world and in Malaysia, has resulted in a total of 5,125,209 cases in Malaysia, with a death toll of 37,171 cases as of 16th September 2023. The COVID-19 outbreak has had a significant impact on Malaysia's political, economic, social, health, and educational sectors. The Movement Control Order (MCO) was enacted in response to the dramatic spike in cases, and it has a number of ramifications for Malaysian society. Several research studies have been carried out to investigate the negative effects of COVID-19. However, no studies on the B40 group have been conducted in Selangor. As a result, the aim of this study is to determine the negative economic and social effects of COVID-19 on the B40 group in Selangor. Furthermore, the purpose of this research was to find solutions to mitigate the negative effects of COVID-19 on the economic and social well-being of communities in Selangor. An online survey was used to discuss the results and perceptions of the B40 group in Selangor to the negative effects of COVID-19. A total of 200 respondents from all throughout Selangor took part in the survey. The research found that COVID-19 had negative consequences for the majority of the B40 group, but that government interventions could well help them overcome those implications. As a result of better understanding on harmful effects of COVID-19 among B40 and how to overcome them, effective preventive measures should be considered to enhance and restore the socioeconomic well-being of B40 people.

Keywords: COVID-19 effects; B40 group; economical effects; social implications; government interventions


PENGENALAN

Penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) muncul di Wuhan, China pada akhir tahun 2019. Penyakit

ini kemudian telah menyebar ke 200 negara dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkannya sebagai pandemik dunia pada 11 Mac 2020 (WHO 2019). Menurut Jabatan

Perangkaan Malaysia (DOSM 2020), lebih daripada 5.7 juta orang telah dijangkiti penyakit ini dan hampir 355,000 kematian dicatatkan di peringkat dunia pada 28 Mei 2020. Dunia telah mengalami perubahan secara drastik sejak pandemik COVID-19 yang memberi impak yang pelbagai dalam setiap aspek (DOSM 2020). Walaupun pelbagai inisiatif telah pun diimplementasikan, wabak COVID-19 masih belum dapat dibendung sepenuhnya.

Sebagai buktinya, menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM 2021), pandemik COVID-19 telah pun mencatat sebanyak 5,125,209 kes di Malaysia dan angka kematian sehingga kini iaitu pada 16 September 2023 telah mencatat sebanyak 37,171 kes. Berikut merupakan statistik kes COVID-19 bagi setiap 100,000 orang di Malaysia mengikut negeri sehingga 9 September 2023.



RAJAH 1. Jumlah kes COVID-19 bagi setiap 100,000 orang di Malaysia mengikut negeri

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM 2023)

Kerajaan Malaysia telah mengambil pelbagai langkah drastik dan melaksanakan heterogen rancangan bagi mengatasi penyebaran pandemik COVID-19. Malaysia merupakan antara negara yang telah melaksanakan pencegahan awal dengan menguatkuasakan kawalan pergerakan untuk mengelakkan kehilangan nyawa secara besar-besaran. Sebagai usaha untuk membendung penyebaran COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang merupakan pertama dalam sejarah dunia telah dikuatkuasakan pada 18 Mac 2020. Maklumat PKP menurut Majlis Keselamatan Negara (MKN, 2020) adalah seperti di bawah:

1. Rakyat Malaysia dilarang untuk bergerak ataupun berhimpun secara beramai-ramai termasuk dalam aktiviti sukan, keagamaan, sosial dan budaya.
2. Rakyat Malaysia tidak diberarkan ke luar negara.
3. Pelancong dan pelawat asing tidak diberankan masuk ke dalam Malaysia.
4. Semua insititusi pendidikan tidak dibenarkan beroperasi dan ditutup secara serta-merta
5. Semua premis kerajaan dan swasta ditutup kecuali yang melibatkan perkhidmatan penting.

Pada 27 Mac 2020 pula Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) telah dikuatkuasakan di beberapa kawasan tertentu. Maklumat PKPD (MKN, 2020) adalah seperti di bawah:

1. Semua penduduk dalam kawasan tersebut tidak dibenarkan keluar dari rumah
2. Pelawat atau penduduk dari luar kawasan tidak dibenarkan masuk ke dalam kawasan tersebut.
3. Semua perniagaan tidak dibenarkan beroperasi.
4. Bekalan makanan yang mencukupi akan diberikan kepada semua penduduk semasa perintah tersebut.
5. Pangkalan perubatan akan ditubuhkan untuk mengambil tahu tahap kesihatan penduduk.
6. Semua jalan di kawasan tersebut akan ditutup.


Pada 1 Mei 2020, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) telah dikuatkuasakan dengan beberapa kelonggaran syarat-syarat PKP. Maklumat PKPB (MKN, 2020) adalah seperti di bawah:

1. Hampir semua sektor dan aktiviti dibenarkan beroperasi dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP).

2. Aktiviti sukan yang tidak melebihi 10 orang sahaja dibenarkan dengan mematuhi penjarakan sosial dan SOP.
3. Kegiatan sosial dan keagamaan yang melibatkan perhimpunan besar masih tidak dibenarkan.
4. Perjalanan antara negeri tidak dibenarkan tetapi kelonggaran diberi hanya kepada yang terkandas di kampung atau tempat lain.

Pada 10 Jun 2020 pula, Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) diperkuatkuasakan untuk menggantikan PKPB. Gelombang ketiga jangkitan COVID-19 berlaku selepas Pilihan Raya Negeri Sabah pada bulan September 2020. Keadaan ini menyebabkan PKPB dikuatkuasakan di beberapa negeri kerana kes COVID-19 mula meningkat di Malaysia. Berikutannya, Yang di-Pertuan Agong telah mengisyiharkan darurat di seluruh negara pada 12 Januari 2021 dan pada keesokan hari PKP pula dikuatkuasakan di beberapa negeri bagi membendung kes penularan COVID-19. Pelaksanaan PKP secara langsung memberi implikasi negatif yang lebih buruk berbanding krisis ekonomi yang telah berlaku pada 1998 dan 2008 (Berita Harian 2020).

PKP bukan sahaja memberi impak dari segi ekonomi malah ia juga memberi impak kepada sosioekonomi masyarakat Malaysia terutama golongan B40. Menurut Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah (2016), kumpulan B40 terdiri daripada isi rumah yang berpendapatan rendah dimana pendapatan mereka hanya RM4,360 dan ke bawah. Kumpulan ini sudah pun dibebani dengan kenaikan kos sara hidup mereka dan pandemik ini telah menambahkan kegelisahan mereka terhadap masalah ekonomi seperti pengangguran dan pendidikan anak-anak mereka. Menurut Timbalan Menteri Sumber Manusia telah diganggarkan sebanyak 75 peratus daripada golongan B40 akan dibuang kerja pada masa akan datang (Astro Awani 2020). Kadar pengangguran pada Disember 2020 telah meningkat kepada 772,900 orang pada kadar 4.8 peratus (Bernama 2021). Fenomena ini mendorong kepada peningkatan kadar kemiskinan juga disebabkan oleh peluang pekerjaan yang semakin kecil dan ditambah dengan jumlah mereka menganggur dan kehilangan pekerjaan. Rajah 2 menunjukkan bilangan jumlah penganggur dan kadar pengangguran di Malaysia dari tahun 1982 sehingga 2020.




RAJAH 2. Bilangan jumlah penganggur dan kadar pengangguran di Malaysia 1982-2020

Sumber: Kenyataan Media Statistik Tenaga Buruh Malaysia, 2020

Peningkatan pengangguran secara langsung meningkatkan kemurungan juga terutamanya dalam kalangan golongan B40. Menurut Presiden Persatuan Kesedaran dan Sokongan Penyakit Mental, Anita Abu Bakar, kelompok yang mencatatkan kemurungan paling tinggi adalah daripada kumpulan B40 iaitu sebanyak 2.7% (Sinar Harian, 2021). Dengan ini jelas bahawa

masalah kewangan boleh mempengaruhi emosi seseorang dengan memberi tekanan yang besar yang mengakibatkan kesihatan mental terutama golongan B40. Salah satu punca kemurungan ialah mereka tidak mempunyai tabungan kewangan yang sedia ada pada masa akan datang. Berikut merupakan rajah yang menunjukkan kesediaan kewangan rakyat Malaysia jika PKP dilanjutkan.



RAJAH 3. Kesediaan kewangan jika PKP dilanjutkan

Sumber: Laporan Kajian Khas Kesan COVID-19 terhadap ekonomi dan individu (DOSM, 2020)

Pandemik ini telah banyak memberi pelbagai kesan ekonomi dan sosial kepada rakyat Malaysia tetapi tiada kajian yang berfokus kepada kumpulan B40 di Selangor. Maka kajian ini berfokus kepada kesan COVID-19 terhadap golongan B40 di sekitar Selangor dan cara mengatasinya. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti kesan COVID-19 kepada golongan B40 di sekitar Selangor dari segi ekonomi dan sosial. Objektif seterusnya adalah untuk mengenalpasti cara-cara mengatasi implikasi ekonomi dan sosial antara golongan B40 di Selangor untuk memulihkan kedudukan sosioekonomi mereka. Bahagian pertama kajian ini membincangkan secara keseluruhan tentang kesan COVID-19. Bahagian kedua pula membincangkan tentang kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kesan COVID-19. Bahagian seterusnya membincangkan tentang metodologi kajian yang digunakan untuk mendapatkan keputusan bagi menjayakan kajian ini. Bahagian keempat kajian ini membincangkan tentang hasil kajian yang diperoleh dan bahagian terakhir pula menyimpulkan keseluruhan kajian yang dibuat serta cadangan diberikan untuk memperbaiki kekurangan yang sedia ada.

KAJIAN LEPAS

Penularan penyebaran COVID-19 sejak Disember 2019 di Wuhan telah membangunkan banyak kajian bagi membincangkan kesan COVID-19 kepada rakyat dari segi ekonomi dan sosial serta cara-cara mengatasinya.

Kajian oleh Sundarasen et al. (2020) menunjukkan kesan psikologi COVID-19 dan PKP dalam kalangan pelajar IPTA dan IPTS serta cadangan dan dasar mengatasinya. Kajian menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar IPT mengalami tahap kebimbangan yang paling ekstrem tentang pembelajaran mereka. Li Ping Wong et al. (2021) pula menyimpulkan bahawa tahap kemurungan, kegelisahan dan tekanan antara rakyat sangat tinggi dan mengakibatkan kesihatan mental yang buruk terutamanya dalam kalangan pelajar, wanita dan rakyat yang mempunyai keadaan kewangan yang buruk seperti masyarakat B40. Jika dilihat dari perspektif yang berbeza, kajian oleh Md Mizanur Rahman et al. (2021) telah menyimpulkan bahawa lebih daripda 70% pelajar perubatan di Malaysia tidak mempunyai masalah kesihatan mental seperti kemurungan, kegelisahan atau tekanan.

Kajian yang dijalankan oleh Sharmila Tinagar et al. (2021) menunjukkan bahawa lebih daripada 70% rakyat B40 mengalami penurunan dalam pendapatan dan kehilangan pekerjaan. Mereka juga mendapat bahawa hanya 5.6% daripada kalangan B40 menjimatkan perbelanjaan selama lebih dari enam bulan. Manakala Mohd Khairi Ismail, Syamsulang Sarifuddin dan Ahmad Shaupi (2020) mendapat bahawa bangsa Cina mengalami kesihatan mental yang sangat teruk berbanding dengan bangsa lain di Malaysia. Abdul Rashid Abdul Aziz (2020) pula mendedahkan ramai masyarakat menjadi penganggur akibat pelaksanaan PKP dan memberi tekanan yang teruk. Beliau juga telah menerangkan bahawa inisiatif kerajaan terutamanya Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), kemahiran teknologi dan pelaksanaan program kerjaya serta pemberian insentif dapat membantu masyarakat dari segi kewangan. Manfaat PRIHATIN juga telah dibincangkan oleh Melati Nungsari (2020) dalam kajiannya.

Menerusi kajian oleh Siti Aisyah Baharudin, Hayyan Nassar Waked dan Mohd Shah Paimen (2021) telah menyimpulkan bahawa status kewangan masyarakat terutamanya masyarakat B40 telah merosot setelah pelaksanaan PKP. Di samping itu, cara-cara yang diimplementasikan kerajaan dalam membendung penularan pandemik COVID-19 mendapat sambutan baik masyarakat kerana seramai 99% responden mendapat manfaatnya. Abdul Rashid Abdul Aziz, Nurhafizah Mohd Sukor dan Nor Hamizah Ab Razak (2020) dalam kajian mereka menyatakan bahawa PKP turut menimbulkan gangguan kesihatan mental dan antara cara mengatasinya ialah berjumpa dan menerima konsultasi daripada pakar dalam bidang kaunseling atau pegawai perubatan. Dari segi perniagaan, Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid dan Fatimah Hassan (2020) menerangkan bahawa penggunaan teknologi digital dapat merancakkan kegiatan perniagaan kecil-kecilan walaupun pada masa pandemik ini.

Menurut Nor Azrul et al. (2020) kemiskinan bandar telah memberikan impak negatif terhadap penduduk bandar. Ia dicerminkan oleh perkembangan lambat aspek pendidikan dalam kalangan belia yang menjadi aspirasi masa hadapan negara. Samir & Sara (2012) mendapat dari hasil kajian bahawa pekerja komuniti berperanan dalam pembasmian kemiskinan dalam kalangan nelayan. "...kemahiran mewujudkan sistem jaringan, kemahiran mendengar dan berbincang,

kemahiran mengurus kerja, kemahiran menyedia sumber, kemahiran berkomunikasi dan kemahiran menyelesaikan masalah berkorelasi kuat dengan keberkesanan pembasmian kemiskinan manakala kemahiran mengendali peserta dan kemahiran memimpin berkorelasi sederhana. Sementara itu kemahiran mengurus kerja memberikan pengaruh yang paling kuat ke atas kejayaan pembasmian kemiskinan.” Mohamad Hamka bin Mohd Ikmal Hisham dan Mohd Haizzan Yahaya (2020) mendapati bahawa kemiskinan mempunyai kesan terhadap keperluan nutrisi dalam kalangan kanak-kanak. Rahman, et al. (2023) menekankan bahawa fenomena krisis pandemik COVID-19 telah menyebabkan jumlah penduduk miskin mutlak Malaysia meningkat dan ini menyebabkan keperluan analisis keperluan bantuan golongan miskin dan bentuk pengagihannya.

METODOLOGI

Menurut Sabitha Marican (2005), metodologi ialah satu kaedah yang digunakan bagi melaksanakan kajian ke atas subjek tertentu mengikut disiplin yang teratur. Matlamatnya adalah untuk menghasilkan kajian yang tepat dan terperinci. Oleh yang demikian, pengkaji dengan bersungguh-sungguhnya memanfaatkan teori penyelidikan tersebut dalam penghasilan kajian ini. Selang keyakinan bagi menentukan formula persampelan kajian ini ialah enam peratus. Tahap keyakinan merupakan kebarangkalian margin kesalahan mengandungi kadar sebenar pada 95 peratus. Anggaran pengiraan saiz sampel menunjukkan 188 responden. Ini merupakan bilangan individu yang akan mengambil bahagian dan mencapai ukuran sampel yang diperlukan berdasarkan tindak balas yang diharapkan. Oleh itu, kajian ini melibatkan seramai 200 orang responden. Saiz sampel ini adalah mencukupi untuk analisis statistik yang akan dilakukan dan banyak lagi kesimpulan boleh dibuat daripada hasil kajian. Angka ini juga merupakan angka yang sesuai bagi kajian ini.

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dalam mendapatkan data bagi menjawab objektif kajian dan persoalan kajian yang dijalankan. Antara kaedahnya ialah kaedah persampelan bola salji secara maya dan kaedah persampelan pemilihan sendiri. Kaedah persampelan bola salji secara maya merupakan situasi dimana peserta berkelayakan berkongsi atau mengesyorkan subjek

berpotensi lain untuk mengambil bahagian dalam penyelidikan (Berg 2006). Manakala kaedah persampelan pemilihan sendiri membolehkan responden mengambil bahagian dalam penyelidikan ini dan penyelidik tidak akan mendekati mereka secara langsung. Teknik ini juga sesuai kerana dapat memastikan responden memberi lebih banyak pandangan.

Kaedah ini digunakan dengan mengadakan tinjauan dalam talian dengan mengedarkan *Google Form* antara 200 responden dari Selangor yang terdiri daripada penduduk daerah Gombak, Hulu Langat, Hulu Selangor, Klang, Kuala Langat, Kuala Selangor, Petaling, Sabak Bernam dan Sepang. *Google form* tersebut terdiri daripada tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C. Bahagian A mengenai demografi responden yang merangkumi jantina, umur, keturunan, status perkahwinan, daerah, pendapatan, dan pekerjaan. Bahagian B pula soalan untuk mengenalpasti kesan COVID-19 kepada golongan B40 di Selangor dari segi ekonomi dan sosial manakala Bahagian C mengenai pengenalpastian cara-cara mengatasinya. Kajian ini menggunakan bentuk soalan tertutup. Menurut Gillham (2008), soalan tertutup lebih mudah kerana keseragaman jawapan responden dan lebih mudah dianalisis. Skala Likert 5 aras yang digunakan ialah 5 = sangat tidak setuju, 4 = setuju, 3 = tidak pasti, 2 = tidak setuju dan 1 = sangat tidak setuju. Dari segi skor min pula, dari 1.00 hingga 2.99 ditafsirkan sebagai tahap rendah, 3.00 hingga 3.68 ditafsirkan sebagai tahap sederhana dan skor min dari 3.69 hingga 5.00 ditafsirkan sebagai tahap tinggi.

Pada peringkat akhir kajian ini, sebuah proses menganalisis telah dijalankan secara deskriptif untuk menganalisis data daripada *google form* untuk menghasilkan laporan kajian ini. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science (SPSS)* dan akan dihuraikan dalam bentuk kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Mohd Majid Konting (1990) berkata program SPSS ini merupakan salah satu daripada pakej perisian komputer yang digunakan untuk memproses dan menganalisis data penyelidikan, khususnya penyelidikan sosial dan pendidikan. Program SPSS dibina khusus untuk penganalisan data yang banyak dan berulang-ulang dengan cepat dan cekap serta proses menganalisis data dilakukan berlandaskan objektif kajian (Priyatno 2008).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini telah dijalankan dengan 200 responden yang terdiri daripada kumpulan B40 yang tinggal di Selangor dengan mengedarkan *google form* atas

talian. Tindak balas yang diterima telah dianalisis melalui perisian SPSS dan ditunjukkan dalam jadual-jadual berikut. Jadual 1 melaporkan profil demografi responden:

JADUAL 1. Demografi Responden

Maklumat Demografi Responden	Kategori	Bilangan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	75	37.5
	Perempuan	125	62.5
Umur	< 20 tahun	8	4.0
	21-25 tahun	130	65.0
	26-30 tahun	31	15.5
	31-35 tahun	11	5.5
	36-40 tahun	9	4.5
Keturunan	40 tahun	11	5.5
	Melayu	72	36.0
	Cina	58	29.0
	India	63	31.5
Status Perkahwinan	Lain-lain	7	3.5
	Kahwin	38	19.0
	Bujang	152	76.0
Daerah	Janda/Duda	10	5.0
	Gombak	23	11.5
	Hulu Langat	45	22.5
	Hulu Selangor	13	6.5
	Klang	38	19.0
	Kuala Langat	7	3.5
	Kuala Selangor	12	6.0
	Petaling	38	19.0
	Sabak Bernam	4	2.0
Pendapatan	Sepang	20	10.0
	< RM 1000	60	30.0
	RM 1000 – RM 2499	84	42.0
	RM 2500 - RM 3169	32	16.0
	RM 3170 – RM 3969	11	5.5
Pekerjaan	RM 3970 – RM 4849	13	6.5
	Kerajaan	21	10.5
	Swasta	127	63.5
	Persendirian	52	26.0

Responden kajian ini terdiri daripada 200 orang responden dari kumpulan B40 di Selangor. Berdasarkan jadual di atas, bilangan responden perempuan adalah lebih banyak daripada bilangan responden lelaki, dimana peratusan perempuan adalah sebanyak 62.5% manakala peratusan lelaki pula sebanyak 37.5%. Dari aspek umur, kebanyakan responden berada dalam lingkungan umur 21-25

tahun iaitu sebanyak 65%. Hal ini demikian kerana kebanyakan *google form* telah dijawab oleh bakal graduan yang baru saja menjelak kaki ke alam pekerjaan. Dari segi aspek keturunan pula, didapati bahawa responden yang paling tinggi dalam kajian ini terdiri daripada keturunan Melayu dengan 36% diikuti dengan keturunan India dengan 31.5% dan keturunan Cina dengan 29%. Terdapat juga 3

orang yang terdiri daripada orang asli dan 4 orang daripada etnik Sabah. Dari segi status perkahwinan pula, kebanyakannya responden adalah bujang yang mempunyai peratusan sebanyak 76% disebabkan kebanyakannya merupakan bakal graduan. Manakala 38 orang sudah kahwin, 5 orang janda dan 5 orang lagi adalah duda. Bahagian demografi juga menganalisis responden mengikut daerah. Kebanyakannya responden adalah dari daerah Hulu Langat iaitu sebanyak 22.5%, diikuti responden dari Klang dan Petaling sebanyak 19% masing-masing, responden dari Gombak sebanyak 11.5%, responden dari Sepang sebanyak 10%, responden dari Hulu Selangor sebanyak 6.5%, responden dari Kuala Selangor sebanyak 6%, responden dari Kuala Langat sebanyak 3.5% dan responden dari Sabak Bernam sebanyak 2%. Di samping itu, semua responden yang terlibat dalam kajian ini

adalah daripada kategori B40 walaubagaimanapun lingkungan pendapatan adalah berbeza. Sebanyak 42% responden menerima pendapatan antara RM 1000 hingga RM 2499, 30% menerima pendapatan kurang daripada RM 1000, 16% menerima pendapatan antara RM 2500 hingga RM 3169, 6.5% menerima pendapatan antara RM 3970 hingga RM 4849 manakala 5.5% menerima pendapatan antara RM 3170 hingga RM 3968. Pendapatan mereka hanya dapat menampung keperluan sahaja dan mereka tiada pilihan bagi tabungan pada masa akan datang. Kebanyakannya responden merupakan pekerja swasta yang telah dibuang kerja.

Jadual 2 menunjukkan maklum balas daripada responden yang telah menjawab *google form* berkaitan dengan kesan COVID-19 kepada golongan B40 di sekitar Selangor dari segi ekonomi dan sosial.

JADUAL 2. Implikasi negatif COVID-19 kepada golongan B40 di sekitar Selangor dari segi ekonomi dan sosial

Perkara	Min	Sisihan Piawai
Jumlah pendapatan yang diterima adalah kurang disebabkan majikan tidak memberi pendapatan yang sepenuhnya ketika musim pandemik.	3.60	1.236
Ramai penduduk kehilangan pekerjaan dan tidak mempunyai sumber pendapatan untuk menyara hidup.	4.20	0.897
Pendapatan peniaga kecil susut disebabkan tidak boleh melakukan urusan perniagaan mereka.	4.27	0.894
Penduduk tidak mampu menampung makanan basah dan kering.	3.80	0.972
Penduduk tidak mampu membeli keperluan sehari-hari mereka untuk menyara hidup.	3.76	1.020
Pelajar tidak boleh fokus dalam pelajaran.	4.09	1.026
Pelajar menghadapi masalah internet ketika kelas dalam talian.	4.13	0.974
Kebimbangan ibu bapa meningkat terhadap pelajaran anak-anak mereka.	4.19	0.899
Konflik antara ahli keluarga meningkat.	3.85	1.060
Hubungan bersama keluarga bertambah baik.	3.84	0.966
Kurang kemampuan dalam menanggung kos kesihatan.	3.86	0.969
Kematian meningkat disebabkan stress.	3.78	1.003
Pindaan sesi persekolahan dan ujian membimbangkan pembelajaran pelajar.	4.14	0.861
Pandemik menyebabkan rakyat Malaysia terkandas di luar negara.	3.84	0.979
Komunikasi melalui alam maya menyukarkan hubungan sosial antara masyarakat.	3.91	1.028
Pandemik menyebabkan pertambahan bilangan kelahiran.	3.61	1.032
Pandemik menyebabkan kebanyakan isi rumah tidak mempunyai simpanan.	4.09	0.884
Penutupan sekolah menyebabkan para pelajar hilang minat terhadap pelajaran.	4.00	1.047
Ibu tunggal berasa sukar menanggung kos berkaitan kehadiran anak mereka ke sekolah.	4.08	0.940
Isi rumah menghadapi kesukaran dalam menyediakan pelitup muka.	3.46	1.181

Berdasarkan Jadual 2 di atas, min tertinggi tercapai pada 4.27 dimana sebanyak 173 responden bersetuju bahawa pendapatan peniaga kecil susut disebabkan tidak boleh melakukan urusan perniagaan mereka. Banyak peniaga kecil tertekan dengan keadaan demikian kerana sumber pasaran

mereka terhad, peratusan jual beli yang sangat rendah, mobiliti terhad dan mereka tiada alternatif lain untuk menjana pendapatan (Rashid & Hassan, 2020). Kemudian, min kedua tertinggi adalah pada 4.20 dimana 167 responden bersetuju bahawa ramai penduduk kehilangan pekerjaan dan tidak

mempunyai sumber pendapatan untuk menyara hidup. Terdapat juga 136 responden B40 tidak mampu membeli keperluan sehari-hari mereka dan juga tidak mampu menampung makanan basah dan kering. Hal ini demikian kerana banyak syarikat serta organisasi swasta dan kerajaan diarahkan tutup akibat PKP dan kebanyakannya syarikat tidak dapat menampung kos perbelanjaan termasuk gaji pekerja yang mendorong ramai pekerja dibuang kerja (Aziz 2020). Seramai 126 responden dengan tahap min sederhana sebanyak 3.60 berpendapat bahawa walaupun gaji diberi ia bukannya pendapatan yang sepenuhnya. Keadaan ini boleh menyebabkan masyarakat B40 kurang berkemampuan dalam menanggung kos kesihatan disebabkan oleh kekurangan sumber pendapatan dan sebanyak 131 responden setuju dengan pernyataan ini. Terdapat juga seramai 107 responden termasuk isi rumah mereka menghadapi kesukaran dalam menyediakan pelitup muka.

Seterusnya, min sebanyak 4.19 tercapai apabila 168 responden bimbang terhadap pembelajaran anak-anak mereka. Seramai 157 responden bimbang disebabkan pindaan sesi persekolahan dan ujian manakala 149 responden bimbang disebabkan keadaan ini boleh menyebabkan pelajar hilang minat terhadap pelajaran. Kebanyakan ibu bapa B40 di Selangor adalah kurang mahir dan mereka tidak berapa mampu membantu anak-anak mereka dalam pembelajaran terutama yang melibatkan sistem pendigitalan. Terdapat juga 159 responden menghadapi masalah internet ketika kelas dalam talian disebabkan ketidak sempurnaan digital. Di samping itu, hasil kajian juga menunjukkan bahawa seramai 159 responden bersetuju bahawa pelajar tidak boleh fokus dalam pelajaran disebabkan oleh situasi yang tidak kondusif. Manakala seramai 155 responden berpendapat pandemik COVID-19 menyebabkan kebanyakannya isi rumah tidak mempunyai simpanan. Kedua-dua pernyataan di atas merekodkan min yang sama, iaitu sebanyak 4.09. Seterusnya, 155 responden dengan min sebanyak 4.08 bersetuju bahawa ibu tunggal sukar menanggung kos berkaitan kehadiran anak mereka ke sekolah. Min sebanyak 3.91 pula tercapai dengan persetujuan 143 responden bagi pernyataan komunikasi melalui alam maya menyukarkan hubungan sosial antara masyarakat ketika PKP. Jika dilihat dari sudut yang berbeza, seramai 133 responden dengan min sebanyak 3.85 bersetuju bahawa konflik antara ahli keluarga meningkat. Sebagai buktinya, kes perceraian di

Malaysia merekodkan peningkatan luar biasa sejak PKP. Antara penyebab utama berlakunya perceraian ialah pemberhentian pekerjaan suami dan kehilangan punca pendapatan.

Jika dilihat dari perspektif yang berbeza, walaupun pandemik meningkatkan konflik dalam keluarga, tetapi masih terdapat juga keluarga yang sangat gembira dengan hubungan silaturahim mereka. Kenyataan ini terbukti apabila seramai 137 responden bersetuju bahawa pandemik ini dapat menambah baik hubungan bersama keluarga. Selain itu, seramai 130 responden bersetuju bahawa pandemik ini menyebabkan rakyat Malaysia terkandas di 20 negara yang berbeza. Kedua-dua kenyataan di atas berkongsi min yang sama pada 3.84 yang masih dikategorikan sebagai tahap tinggi. Di samping itu, seramai 121 responden dengan min 3.78 setuju bahawa kematian meningkat disebabkan stress. Stress seharusnya tidak dipandang mudah kerana ia boleh mempengaruhi emosi seseorang, memberi tekanan yang besar dan mengakibatkan isu kesihatan mental terutamanya kepada golongan B40 yang sememangnya mempunyai tekanan yang sedia ada. Sebagai buktinya, menurut Sinar Harian, kebanyakannya panggilan kepada *Befrienders Malaysia* adalah berkaitan bunuh diri. Pandemik bukan sahaja meningkatkan kadar kematian tetapi kadar kelahiran juga. Seramai 110 responden bersetuju dengan pernyataan ini dengan min tahap sederhana sebanyak 3.61.

Secara keseluruhannya, kebanyakannya masyarakat B40 di sekitar Selangor menghadapi implikasi negatif akibat daripada COVID-19 dari segi ekonomi dan sosial. Perkara ini tidak harus dipandang mudah dan kerajaan harus menggembungkan tenaga dalam mengekang implikasi negatif ini.

Jadual 3 menunjukkan butiran kenyataan soalan yang ditanyakan kepada responden mengenai cara-cara mengatasi implikasi negatif COVID-19 terhadap ekonomi dan sosial antara masyarakat di sekitar Selangor.

Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) telah banyak menghulurkan bantuan kepada semua rakyat Malaysia dalam semua lingkungan umur. Bagi menyokong pernyataan ini, seramai 158 responden dengan min tertinggi sebanyak 4.09 setuju bahawa mereka telah mendapat bantuan seperti beras, tepung, minyak, serta pelitup muka dan ia dapat mengurangkan kos perbelanjaan mereka. Seramai 141 responden kebanyakannya dalam lingkungan umur 21-25 berasa bantuan tunai secara *one-off* dapat meringankan beban mereka.

JADUAL 3. Cara-cara mengatasi kesan COVID-19 terhadap ekonomi dan sosial antara masyarakat di sekitar Selangor

Perkara	Min	Sisihan Piawai
Pakej Selangor Prihatin membantu rakyat dalam memulihkan kekangan ekonomi mereka.	3.78	0.957
Inisiatif AgroData dapat melengkapi kesenjangan di antara permintaan dan penawaran bahan makanan asas.	3.64	0.898
Inisiatif Jaminan Bekalan Makanan Selangor dapat menjamin pemakanan masyarakat	3.77	0.861
Program Youth Economy Smart Selangor (YESS) dapat mencipta peluang pekerjaan kepada masyarakat.	3.75	0.944
Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) membantu perniagaan kecil-kecilan bertambah baik.	3.84	0.907
Penangguhan bayaran balik pinjaman PTPTN selama 3 bulan dapat meringankan beban pelajar dan ibu bapa.	4.00	0.935
Program Bantuan Prihatin Mahasiswa Darul Ehsan dapat menampung perbelanjaan para pelajar.	3.83	0.964
Pemberian bantuan seperti beras, tepung, minyak, dan pelitup muka mengurangkan kos perbelanjaan isi rumah	4.09	0.816
Program Baucar Perlindungan Tenang membantu mengurangkan beban kewangan.	3.81	0.960
Bantuan tunai secara one-off dapat meringankan beban individu.	3.88	0.933
Diskaun dalam utiliti menyebabkan isi rumah tidak lagi risau tentang kos utiliti.	3.79	1.022
Pengecualian yuran Tabika dapat mengurangkan beban ibu bapa.	3.91	0.914
Dana yang diberikan kepada golongan peniaga kecil sangat membantu mereka dalam memulakan perniagaan baru.	3.93	0.924
Penangguhan bayaran pinjaman MARA dapat mengurangkan kerisauan masyarakat.	3.90	0.940
Subsidi pembelian telefon pintar membantu ibu bapa dalam berinteraksi dengan guru mengenai tugas anak-anak mereka yang masih bersekolah	3.91	0.980

Sebanyak 135 juga telah bermanfaat dengan Program Baucar Perlindungan Tenang kerana bagi mereka ia dapat membantu mengurangkan beban kewangan mereka. Tambahan pula, diskon dalam utiliti juga menyebabkan seramai 133 isi rumah tidak lagi risau tentang kos utiliti mereka. Walaupun kebanyakan responden bersetuju bahawa bantuan dari Pakej Selangor Prihatin dapat memulihkan kekangan ekonomi mereka., terdapat juga 16 orang tidak bersetuju kerana masih ada yang tidak begitu peka tentang bantuan yang diberikan kepada mereka terutamanya orang tua yang menetap di kawasan pedalaman. Selain itu, Inisiatif Jaminan Bekalan Makanan Selangor juga dapat menjamin pemakanan masyarakat sekitar Selangor dan seramai 131 responden berpersepsi positif terhadap penyataannya. Walaubagaimanapun seramai 12 responden tidak setuju dan 57 responden tidak pasti terhadapnya kerana inisiatif ini tidak mendapat perhatian ramai.

Dari segi pendidikan, min kedua tertinggi pula tercapai pada 4.00 bagi penyataan penangguhan bayaran balik pinjaman PTPTN selama 3 bulan

dapat meringankan beban pelajar dan ibu bapa. Seramai 154 responden dan kebanyakannya terdiri daripada pelajar bersetuju bagi penyataan tersebut. Tambahan pula, seramai 144 ibu bapa juga berasa gembira dan bersyukur dengan pengecualian yuran tabika kerana ia dapat mengurangkan beban mereka. Pemberian subsidi bagi pembelian telefon pintar lagi memanfaatkan seramai 141 ibu bapa untuk berinteraksi dengan guru mengenai tugas anak-anak mereka yang masih bersekolah. Kedua-dua penyataan ini merekodkan min yang sama, iaitu sebanyak 3.91. Di samping itu, Program Bantuan Prihatin Mahasiswa Darul Ehsan dapat memanfaatkan seramai 140 pelajar dalam menampung perbelanjaan pendidikan mereka. Program Youth Economy Smart Selangor (YESS) pula membantu dari segi peluang pekerjaan kerana seramai 131 responden terutamanya bakal graduan dapat dimanfaatkan daripadanya.

Dari segi perniagaan pula, pakej Selangor Prihatin juga membantu seramai 142 perniaga kecil-kecilan di Selangor untuk mengembangkan

perniagaan mereka bertambah baik. Seramai 148 peniaga dengan min 3.90 pula berasa penangguhan bayaran pinjaman Majlis Amanah Rakyat (MARA) dapat mengurangkan kerisauan mereka. Walaubagaimanapun seramai 146 golongan peniaga kecil di sekitar Selangor dengan min 3.93 berasa dana yang diberikan kepada mereka adalah kecil dan tidak mencukupi. Selain itu Inisiatif AgroData juga dapat melengkapi kesenjangan di antara permintaan dan penawaran bahan makanan asas dan seramai 153 responden setuju dengan pernyataan ini.

Secara keseluruhannya, kebanyakan masyarakat B40 di sekitar Selangor dapat menikmati manfaatnya dengan banyak inisiatif kerajaan yang telahpun disediakan. Cara-cara bagi mengatasi kesan COVID-19 terhadap ekonomi dan sosial antara masyarakat di sekitar Selangor mendapat jemputan yang baik dan positif dan yang penting ialah ia dapat membantu masyarakat B40 di Selangor untuk memulihkan sosioekonomi mereka. Walaupun pelbagai pakej rangsangan diumumkan oleh kerajaan namun masyarakat Malaysia masih hidup dalam tekanan dan kesan COVID-19 semakin bermasalah. Hal ini demikian kerana kebanyakan golongan B40 tidak mempunyai simpanan yang mencukupi sebagai persediaan menghadapi kecemasan (Muhammad Hassan et al, 2021). Pakej rangsangan seperti BPN, BSH serta pemberian kelonggaran pengeluaran wang KWSP telah memberikan sedikit kelegaan kepada golongan B40 untuk meneruskan kehidupan sehari-hari mereka. Jika melihat kepada mereka yang tidak mempunyai simpanan kewangan langsung akan masih mengalami kesukaran walaupun pelbagai bantuan dihulurkan apabila kebanyakan ahli keluarga mereka mengalami masalah kesihatan termasuk COVID-19. Keadaan ini akan memberikan kesan yang buruk kepada mereka dari segi kewangan dan kesihatan. Namun, kerajaan masih bertungkus-lumus memikirkan inisiatif bagi membendung kesan COVID-19 terhadap golongan B40 yang harus kita hargai.

KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesan COVID-19 kepada golongan B40 di Selangor dari segi ekonomi dan sosia serta untuk mengenalpasti strategi mengatasinya. Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan masyarakat B40 menerima

kesan dalam kehidupan sehari-hari mereka sejak hari pertama PKP. Bagi membendung kesan yang dihadapi masyarakat B40 kerajaan pula telah mengimplementasikan beberapa strategi. Ramai yang mendapat manfaat daripadanya dan pada masa yang sama terdapat juga masyarakat yang tidak begitu bermanfaat dan tetap menghadapi kesukaran. Oleh itu, bukan sahaja kerajaan, setiap pihak yang sebenarnya boleh membantu harus menggembangkan tenaga dalam menghulurkan bantuan kepada yang memerlukan. Bantuan tidak harus diberikan dengan cara *first come first serve*. Dengan ini mungkin

ramai yang tercicir dari mendapat bantuan. Setiap penghulu atau ketua kampung harus memastikan bahawa adakah keadaan mereka baik atau tidak. Masyarakat B40 harus diberi perhatian dan banyak lagi bantuan harus dihulurkan kepada mereka. Hal ini demikian kerana pendapatan golongan ini adalah terhad iaitu di bawah RM4,360 dan mereka berkemungkinan tinggi untuk tergelincir dalam golongan rentan kewangan. Jika golongan ini tidak diberi perhatian, maka keadaan mereka menjadi agak rumit.

PENGITIRAFAN

Artikel ini merupakan hasil kursus semester 2 sesi 2020/2021 yang bertajuk EPPE6154/8184 Ekonomi Dasar Sosial di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia (geran EP-2018-001) dan inisiatif e-SULAM 2021 (KPT) Kementerian Pengajian Tinggi.

RUJUKAN

- Abdul Rashid Abdul Aziz. 2020. Pengangguran dalam kalangan tenaga kerja semasa wabak COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 5(11): 1-9.
- Abdul Rashid Abdul Aziz, Nurhafizah Mohd Sukor & Nor Hamizah Ab Razak. 2020. Wabak Covid-19: Pengurusan aspek kesihatan mental semasa norma baharu. *International Journal of Social Science Research* 2(4): 156-174.
- Anon. 2021. Kadar pengangguran 4.5 peratus pada 2020. *Harian Metro*, 8 Februari.
- Anon. 2021. Stres pembunuhan dalam senyap. *Sinar Harian*, 7 April.
- Anon. 2023. Number of confirmed COVID-19 cases per 100,000 people in Malaysia as of September 9, 2023, by state. *Statista*.

- Azman Ab Rahman. 2023. Analisis literatur sistematis terhadap penentuan agihan bantuan kemiskinan kepada golongan B40 di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research* 28(2): 70-86.
- Berg, S. 2006. Snowball sampling 1- Sequential estimation of the mean in finite population to Steiner's most frequent value. *Encyclopedia os Statistics Sciences*.
- Dwi Priyatno. 2008. *Mandiri Belajar SPSS: Untuk Analisis Data dan Uji Statistik*. Yogyakarta: Mediakom.
- Gillham, B. 2008. *Developing a Questionnaire*. A&C Black.
- Hasimi Muhamad. 2020. COVID-19: Hampir 100,000 hilang kerja sejak Januari – Timbalan Menteri. *Astro Awani*, 3 Disember.
- Department of Statistics Malaysia. 2020. *Malaysian Economic Statistics Review*.
- Department of Statistics Malaysia. 2020. Sekretariat dan jawatankuasa khas DOSM menangani Covid-19: Statistik & info-media (BDA).
- Department of Statistics Malaysia. 2021. Kenyataan media statistik tenaga buruh Malaysia 2020.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. 2021. Situasi terkini COVID-19 di Malaysia, 14 Jun 2021.
- Konting, M.M. 1990. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Li Ping Wong, Haridah Alias, Afiqah Alyaa Md Fuzi, Intan Sofia Omar, Azmawaty Mohamad Nor, Maw Pin Tan, Diana Lea Baranovich, Che Zarrina Saari, Sareena Hanim Hamzah, Ku Wing Cheong, Chiew Hwa Poon, Vimala Ramoo, Chong Chin Che, Kyaimon Myint, Suria Zainuddin & Ivy Chung. 2021. Escalating progression of mental health disorders during the COVID-19 pandemic: Evidence from a nationwide survey. *PloS one* 16(3): e0248916.
- Liza Mokhtar. 2020. Kenapa kerajaan perlu bantu B40? *Sinar Harian*, 3 April.
- Mahanum Abdul Aziz. 2020. COVID-19: Ekonomi Malaysia potensi alami kemelesetan teknikal separuh pertama tahun ini. *Berita Harian*, 27 Mac.
- Majlis Keselamatan Negara. 2020.
- Md Mizanur Rahman, Ai Ling Ang, Nithiya Lakshmi, Kishwani Hiram Chakraverty, Dyg Shafiqah & Krithiga Selavarajoo. 2021. Psychological impact of Covid-19 pandemic on mental health among medical students in Malaysia. *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences* 17(2): 119-128.
- Melati Nungsari. 2020. The Covid-19 hardship survey: An evaluation of the prihatin rakyat economic stimulus package. *Asia School of Business Discussion Paper*.
- Mohamad Hamka bin Mohd Ikmal Hisham & Mohd Haizzan Yahaya. 2020. Kemiskinan bandar: kesedaran terhadap keperluan nutrisi pelajar SMK Anderson Ipoh, Perak, Malaysia. The 2nd International Conference on Social Work. Faculty of Social and Political Sciences, University of Muhammadiyah Jakarta, Jakarta, Indonesia, 29 February- 01 March 2020.
- Mohd Khairi Ismail, Syamsulang Sarifuddin & Nor Suhada Ahmad Shaipi. 2020. Perbezaan bangsa signifikan terhadap kesihatan mental semasa pandemik Covid-19 di Malaysia. *International Journal of Muamalat* 4(1).
- Muhammad Hassan Din Mohd Tarip, Mohamad Murtadha Said, Raimi Mohd Ramli, Huril Ain Nadhirah Mohamad Razan, Mohamad Haziq Amir, Noor Azli Azizi, Ukaneshwari Subramaniyam, Khairul Azmi Seliman, Faizah Mohd Fakhruddin & Fathiyah Mohd Fakhruddin. 2021. Impak pandemik Covid-19 terhadap golongan B40. *Journal of Social Sciences and Humanities* 18(8): 54-65.
- Nor Azrul Mohd Zin, Noordeyana Tambi & Jamiah Manap. 2020. Impak kemiskinan bandar terhadap faktor kewujudan golongan belia lewat kembang di institusi pengajian tinggi (IPT). *Akademika* 90(1(SI)): 21-34.
- Nordianah Binti Jusoh, Khairunnisa Abd Samad, Nik Rozila Nik Mohd Masdek, Nurhayati Abdul Rahman, Wan Musyirah Wan Ismail & Bushra Mohd Zaki. 2020. Does income shock during Covid-19 make any difference on consumption among Malaysian household. *International Journal of Academic Research in Economics and Management Sciences* 9(3): 21-30.
- Sabitha Marican. 2005. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Selangor: Prentice Hall/Pearson Malaysia.
- Samir Muhazzab Amin & Sara Shakilla Mohd Salim. 2012. Pembasmian kemiskinan di Malaysia: Keperluan kemahiran pekerja komuniti. *Akademika* 82 (1): 81-89.
- Sharmila Tinagar, Nurul Munawwarah, Mohd Khairi Ismail & Norshamliza Chamhuri. 2021. Covid-19: B40 household's financial and consumption during the implementation of movement control order (MCO). *PLANNING MALAYSIA: Journal of the Malaysian Institute of Planners* 19(1): 65-76.
- Sheela Sundarasen, Karuthan Chinna, Kamilah Kamaludin, Mohammad Nurunnabi, Gul Mohammad Baloch, Heba Bakr Khoshaim, Syed Far Abid Hossain & Areej Sukayt. 2020. Psychological impact of Covid-19 and lockdown among university students in Malaysia: Implications and policy recommendations. *International Journal of Environmental Research and Public Health* 17(17): 6206.
- Siti Aisyah Baharudin, Hayyan Nassar Waked & Mohd Shah Paimen. MCO in Malaysia: Consumer confidence and households' responses. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 55(1).
- Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid & Fatimah Hassan. 2020. Amalan dan penglibatan peniaga kecil melalui perniagaan digital semasa pandemik Covid-19 di Malaysia. *GEOGRAFI* 8(2): 1-20.
- WHO. 2020. Coronavirus disease 2019 (COVID-19) Situation Report – 91. World Health Organization.

Sazvini Rajendran
Universiti Kebangsaan Malaysia
P109789@siswa.ukm.edu.my

Doris Padmini S. Selvaratnam
National University of Malaysia
pegasus@ukm.my